

# **Larian Jalur Gemilang KUTKM pupuk kecintaan pada negara**

Archival News | Utusan Malaysia | 29/08/2002

## **AKTIVITI PENDIDIKAN Di sana sini**

Bagi memeriahkan lagi sambutan kemerdekaan negara ke 45, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) baru-baru ini mengadakan program Larian Jalur Gemilang dan Pelancaran Momentum KUTKM di Padang Pahlawan, Banda Hilir, Melaka.

Ini merupakan kali kedua program seumpama ini dianjurkan oleh KUTKM.

Acara yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan negeri Melaka ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Rektor KUTKM, Prof. Datuk Dr. Ruddin Ab. Ghani turut sama memeriahkan lagi program larian ini.

Program disertai oleh lebih 1,000 orang. Turut dilancarkan pada hari berkenaan adalah buletin rasmi pertama KUTKM iaitu Momentum KUTKM yang akan menjadi wadah KUTKM dalam menyampaikan maklumat kepada orang ramai mengenai aktiviti dan program yang dijalankan.

(Source : Utusan Malaysia)